

Bilangan mangsa banjir menurun

KUALA TERENGGANU 26 Dis. - Bilangan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di seluruh Terengganu menurun kepada 7,574 orang lewat petang ini berbanding 10,412 orang yang direkodkan pada tengah hari.

Mereka berada di 96 pusat pemindahan dan semakin ramai dibenarkan pulang malam ini.

Besut daerah yang teruk dilanda banjir, kian pulih setelah hujan reda

agak berpanjangan dan kesan limpahan air Empangan Peda berkurangan.

Musim banjir kali ini meragut seorang lagi mangsa iaitu Mohd. Hamidi Abdul Hamid, 15, yang lemas ketika bermain air di kawasan perumahan Bukit Mentok, Kemaman.

Kejadian tanah runtuh turut berlaku pada awal pagi ini, meranapkan enam kereta yang ditinggalkan di

pinggir cerun bagi mengelakkan banjir di Kilometer 139 Jerangau-Jabor, namun tidak melibatkan kemalangan jiwa.

Sementara itu, laluan di 22 lokasi (melibatkan enam jalan Persekutuan, 16 jalan negeri) di tujuh daerah masih dinaiki air dan sebahagian besar ditutup kepada semua kenderaan hari ini.

Jalan yang ditutup kerana dinaiki air antara 0.5 meter hingga dua

meter itu termasuklah Jalan Bukit Diman-Felda Tersat dan Jalan Mengkawang-Tersat Hulu Terengganu.

Jalan utama lain yang ditutup adalah Jalan Gong Kedak Besut, Jalan Felda Neram 1 dan Jalan Cukai - Air Puteh Kemaman.

Jalan negeri pula melibatkan Jalan Permaisuri - Hulu Seladang Setiu, Jalan Matang/Nibong/Kuala Temong, Jalan Kampung Kejil -

Kampung Bukit Perah, Jalan Batu 24/Pengkalan Ajal dan Jalan Kuala Berang - Ajil Hulu Terengganu.

Turut ditutup adalah Jalan Jer-teh/Pasir Akar - Keruak, Jalan Jabi/Oh/Pasir Akar Besut, Jalan Tepus - Kuala Jengai, Dungun, Jalan Teladas, Jalan Kemasik/Air Jer-nih/Ibok/Paman, Jalan Kerteh - Batu Putih, Jalan Kijal/Chengal Besar/Pondok Limau dan Jalan Pelatoh (Kampung Pelatoh) Kemaman.